

# PM BIDAS NEGARA KUASAI HARGA PASARAN

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini, membidas setengah-setengah negara perindustrian yang mengadakan stok simpanan besar sebagai "satu helah menurunkan harga barangan di pasaran bebas."

Perdana Menteri menegaskan terdapat banyak ketidakselambungan dalam hubungan ekonomi antarabangsa dan sistem pasaran dunia masa kini.

Sehubungan dengan itu, beliau menyeru negara-negara membangun supaya mencari "jalan

dan iktiar" untuk membolehkan "suara kita didengar" oleh negara perindustrian di pasaran dunia.

Ini, menurut Perdana Menteri, hanya boleh dilakukan melalui kerjasama erat antara negara-negara membangun dan tidak secara individu.

Berucap merasmikan Simposium Antarabangsa Kedua mengenai Pengembangan Simpanan Persendirian di negara-negara membangun di sini, Perdana Datuk Seri Dr. Mahathir berkata:

"Menurut sejarah, pemasaran dan penentuan harga barangan ke-

luaran negara-negara membangun di pasaran dunia terletak di tangan negara perindustrian.

"Bila mereka mengalami kerugian kerana sebab-sebab tertentu, mereka tidak segan-silu menukar taktik permainan. Setengahnya bertindak menyimpan stok mewujudkan stok simpanan besar sebagai helah mempengaruhi harga barangan tertentu.

"Tetapi bila tiba saat orang lain melonggokkan keluarannya di pasaran mereka, terdapat serta-merta bantahan dan pengenaln berbagai sekatan oleh mereka," tegasnya dengan nada serius.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah kelicinan dan keadilan dalam sistem perdagangan dan kewangan antarabangsa adalah amat penting kepada negara-negara membangun.

Ini, katanya, adalah berdasarkan kepada hakikat bahawa negara-negara tersebut "banyak bergantung harapan" kepada pertumbuhan pesat barangan eksport mereka.

"Malangnya, terdapat terlalu banyak ketidakadilan di dalam sistem perdagangan antarabangsa dan terutama mengenai peranan kita dalam menentukan harga barangan keluaran kita di pasaran antarabangsa.

## Penentuan

"Kita tidak mempunyai pengaruh langsung dalam menentukan perkara ini kerana harga barangan utama kita ditentukan oleh 'kuasa bekalan dan permintaan' yang bertempal di negara-negara perindustrian," tambahnya.

Perdana Menteri menjelaskan bagi negara-negara membangun perlu berganding bahu untuk membolehkannya melibatkan diri secara aktif di pasaran antarabangsa khususnya berhubung dengan faktor penentuan harga barangan utamanya.

Selanjutnya, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata perkembangan sektor awam dan perbadanan, tidak kira di negara maju atau membangun, banyak bergantung kepada pengembangan simpanan persendirian.

Bagi negara membangun pula, jelasnya simpanan persendirian masih belum dapat digembleng untuk pelaburan yang produktif kerana tidak wujud sistem kewangan yang sempurna.

"Oleh itu, adalah menjadi tugas anda untuk merumuskan cadangan yang dapat mempercepat proses pengemblengan simpanan persendirian bagi dan cara bagaimana ia dapat digunakan dengan berkesan untuk pembangunan negara," jelasnya.

Lebih 150 peserta dari 40 buah negara menghadiri simposium seminggu itu.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia